

23/11/1997

Holocaust satu pembohongan?

ALKISAHNYA, dalam sibuk-sibuk cerita pasal anti-semitic dan anti-Yahudi yang digembar-gemburkan oleh Amerika Syarikat, teman teringat akan kisah Adolf Hitler dan Nazi. Tentu ramai yang tahu akan apa yang diistilahkan sebagai holocaust.

Maksud mudah bagi holocaust ialah bencana. Tetapi ia sering dikaitkan dengan penyeksaan dan pembunuhan beramai-ramai orang Yahudi oleh puak Nazi.

Banyak pihak, terutama sejarawan Barat, menyatakan bahawa enam juta bangsa Yahudi di Jerman dianiaya dan dibunuh. Malah ada banyak filem yang mengisahkan cerita seperti itu. Yang terbaru ialah Schindler's List arahan pengarah terkenal, Steven Spielberg.

Tetapi, apakah holocaust itu benar-benar berlaku? Atau ia hanyalah satu pembohongan sejarah? Menurut seorang paderi Perancis, baru-baru ini, ia hanya satu pembohongan. Tetapi sayangnya, pendedahan itu dengan cepat disembunyikan. Paderi berkenaan dipaksa menafikannya.

Ada juga teori yang kata Hitler itu orang Jerman keturunan Yahudi. Pembunuhan beramai-ramai itu memang `dicipta' untuk memudahkan pembentukan negara Yahudi pada 1948 menerusi perjanjian Belfour.

Maka berlatarbelakangkan kisah ini, teman teringat temu bual stesen TV kita dengan Robert Wexler, ahli Kongres Amerika Syarikat yang menuntut Datuk Seri Dr Mahathir meminta maaf atau meletakkan jawatan.

Seperti Yahudi sebelumnya, tindakan Wexler itu membelakangi diplomasi dan tidak menghormati kedaulatan negara ini. Apabila dia membayangkan bahawa bangsa Yahudi akan dianiaya lagi oleh masyarakat dunia, teman mengangap ia satu pembohongan besar. Apakah ia sama dengan pembohongan sejarah yang mendakwa berjuta-juta Yahudi dianiaya Hitler bersama tentera Nazinya dalam holocaust itu? Teman serahkan kepada pembaca untuk menilainya.

(END)